



Salah Guna Berkaitan Mahar (Hantaran Kahwin)

Gangguan atau keganasan berkaitan dengan mahar adalah suatu bentuk keganasan keluarga dan rumah tangga.

Tradisi mahar diamalkan secara berbeza-beza merentasi negara dan budaya.

'Mahar' merupakan amalan yang merujuk kepada wang, harta atau hadiah yang lazimnya dipindahkan oleh keluarga perempuan kepada suaminya selepas berkahwin. Pengamalan mahar itu sendiri bukanlah suatu amalan salah guna.

Apa-apa tindakan paksaan atau gangguan yang berkaitan dengan memberi atau menerima mahar pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas perkahwinan adalah suatu bentuk salah guna. Salah guna berkaitan dengan mahar umumnya melibatkan tuntutan bahawa mahar tidak dibayar dan permintaan secara paksa untuk wang atau hadiah tambahan daripada pihak wanita dan keluarga luasnya.

Keganasan keluarga dan rumah tangga adalah suatu perbuatan jenayah di sisi undang-undang Australia. Seseorang yang melakukan perbuatan jenayah ini boleh dikenakan hukuman penjara, tanpa mengira sama ada mereka lelaki -atau wanita.

Sekiranya anda atau seseorang yang anda kenal berada dalam bahaya, sila hubungi pihak polis di talian **000**.

Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.

Untuk mendapatkan maklumat dan kaunseling sulit secara percuma, hubungi 1800RESPECT di talian **1800 737 732**.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

Kerajaan Australia tidak akan bertolak ansur terhadap apa-apa gangguan atau keganasan berkaitan mahar dalam apa-apa jua keadaan.

Kerajaan Australia memandang berat masalah keganasan keluarga, termasuk gangguan dan keganasan berkaitan mahar. Semua warga Australia berhak hidup secara bebas tanpa keganasan, ketakutan atau paksaan, tanpa mengira agama atau amalan dan kepercayaan budaya mereka.

Gangguan dan keganasan berkaitan dengan mahar termasuk tingkah laku atau ancaman yang bertujuan untuk mengawal pasangan atau keluarga mereka dengan menyebabkan mereka berasa ketakutan atau mengancam keselamatan mereka.

Sekiranya anda mempunyai visa yang sah anda masih boleh mendapat bantuan.

Seorang pasangan, ahli keluarga atau orang lain dalam komuniti tidak boleh mengancam status visa anda.

Jika anda memegang visa Pasangan sementara (subkelas 309 atau 820) atau visa Perkahwinan Prospektif (subkelas 300) dan mengalami keganasan keluarga yang berkaitan dengan mahar, terdapat peruntukan keganasan keluarga dalam undang-undang migrasi Australia yang membolehkan anda untuk meneruskan permohonan visa Pasangan kekal (subkelas 100 atau 801) anda.

Mahar tidak boleh digunakan untuk memaksa seseorang untuk berkahwin.

Jika mahar digunakan untuk memaksa seseorang itu berkahwin tanpa persetujuan bebas dan sepenuhnya individu tersebut, ini boleh dianggap sebagai suatu perkahwinan secara paksa.

Di Australia, semua orang mempunyai kebebasan untuk memilih sama ada mahu berkahwin atau sebaliknya dan dengan individu pilihan serta masa pilihan mereka. Memaksa, mengancam atau menipu seseorang untuk berkahwin adalah bertentangan dengan undang-undang Australia yang dikuatkuasakan. Menggalakkan atau membantu mengatur perkahwinan paksaan, bersubahat dalam perkahwinan paksaan juga menyalahi undang-undang jika anda bukan mangsanya. Ini termasuk perkahwinan agama, budaya dan perkahwinan yang sah.

Terdapat perkhidmatan yang peka terhadap budaya di Australia yang boleh membantu anda.

1800RESPECT ialah perkhidmatan kaunseling untuk keganasan rumah tangga, keluarga dan serangan seksual kebangsaan Australia. Perkhidmatan ini menyediakan khidmat telefon sulit, khidmat dan maklumat kaunseling dalam talian. Kaunselor akan mendengar kisah anda, menjawab pertanyaan anda dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan yang lain di kawasan tempatan anda.

Hubungi **1800 737 732** atau layari **tapak web 1800RESPECT** di **www.1800RESPECT.org.au**.

My Blue Sky ialah tapak web kebangsaan Australia dan suatu talian bantuan yang disediakan khas untuk pencegahan perkahwinan paksa dan menyediakan maklumat, rujukan serta nasihat perundangan secara percuma.

Hubungi talian **(02) 9514 8115**, hantarkan teks ke **0481 070 844**, e-mel **help@mybluesky.org.au**, atau layari **tapak web My Blue Sky** di **www.mybluesky.org.au**

Maklumat lanjut tentang keganasan keluarga dan visa, perkahwinan paksa serta pemerdagangan manusia boleh didapati di **tapak web Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri** (Department of Home Affairs) di **www.homeaffairs.gov.au** dan cari “perkahwinan paksa”.

Adakah anda memerlukan khidmat seorang penterjemah ?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa** (Translating and Interpreting Service - TIS) di talian **131 450**. Seorang penterjemah dari TIS akan membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain, walau bagaimanapun TIS tidak menyediakan khidmat kaunseling. Semua panggilan adalah percuma dan sulit.